

**FATWA BAHTHUL MASAIL NAHDHATUL  
ULAMA DALAM PENGGUNAAN UBATAN  
PENUNDAAN HAID DI BULAN RAMADAN  
DARI PERSPEKTIF *MAQĀṢID AL-  
SHARĪ'AH***

**The Fatwa of Bahthul Masail Nahdhatul Ulama  
on the Use of Menstruation-Postponing  
Medication during Ramadan from the  
Perspective of *Maqāṣid al-Sharī'ah***

**Abdul Hakim\***

**Ridzwan Ahmad \*\***

**Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar \*\*\***

**ABSTRACT**

*Fatwas of Bahthul Masail Nahdlatul Ulama (NU)  
play an important role in addressing contemporary*

---

\* PhD Candidate, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: [ibnu.santawi@gmail.com](mailto:ibnu.santawi@gmail.com)

\*\* Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: [ridzwan@um.edu.my](mailto:ridzwan@um.edu.my)

\*\*\* Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. (Corresponding Author). E-mail: [syedjeffri89@um.edu.my](mailto:syedjeffri89@um.edu.my)

*issues faced by Muslims including the use of drugs to delay menstruation in Ramadan. The purpose of this investigation is to examine the fatwa of Bahthul Masail NU (Nahdhatul Ulama), especially regarding the law of using drugs to delay menstruation for Muslim women in Ramadan from the perspective of maqāṣid al-sharī'ah. This study employs the documentation method, with data analysis conducted through a descriptive qualitative approach, using maqāṣid al-sharī'ah as the primary measuring stick. The results of the study show that the NU Bahthul Masail agreed to permit the use of drugs to suspend menstruation in the month of Ramadan with certain conditions. Among these are that it does not harm the user; does not result in the termination of offspring (by destroying reproductive cells), and does not have an effect on future pregnancies. This fatwa also celebrates the needs of Muslims in worship in accordance with today's scientific developments and advances which still prioritize maṣlaḥah 'āmmah. This necessity allows Muslim women to double their reward in Ramadan in addition to achieving the privilege of Lailatul Qadr that Allah has promised in that month.*

**Keywords:** *Bahthul Masail NU, Delaying menstruation, Maqāṣid al-Sharī'ah*

## **PENDAHULUAN**

Ibadah puasa di bulan Ramadan merupakan rukun Islam ketiga, di mana dalam al-Quran dan hadits telah mewajibkan bagi umat Islam lelaki dan perempuan. Sebenarnya puasa itu wajib sebelum Islam diturunkan oleh Nabi Muhammad SAW sepertimana dalam firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى  
الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Terjemahan: “*Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa.* (al-Baqarah 2:183)

Kemudian hadits Nabi:

حدثنا عبيد الله بن معاذ، حدثنا أبي، حدثنا شعبة، عن محمد بن زياد، قال: سمعت عن أبا هريرة رضي الله عنه يقول : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم، صوموا لرؤيته وأفطروا لرؤيته، فإن غبي عليكم فأكملوا عدة شعبان ثلاثين.<sup>1</sup>

Terjemahan: “*Dari Abu Hurayrah RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: Berpuasalah kalian kerana melihatnya (hilal) dan berhari rayalah kerana melihatnya, jika hilal hilang dari penglihatanmu maka sempurnakan bilangan Sya'ban sampai tiga puluh hari.*”

Ayat al-Quran dan hadits di atas, menunjukkan bahawa kewajipan puasa bulan Ramadan bagi umat Islam lelaki dan perempuan sebagai tanda pengabdian seorang hamba itu dan mendekatkan diri kepada Allah serta meraih *taqwa* yang sempurna.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Hadith Riwayat Muslim, Sahih Muslim, *Bāb Sawm Ramaḍān li Ru'yah al-Hilāl*, no. hadith 1081/19. Lihat Abū Al-Ḥusain Muslim Al-Ḥajjāj, *Sahih Muslim*, vol 2 (Beirut: Dār Iḥyā' Turāth al-‘Arabī, t.t.), 762.

<sup>2</sup> Mohd Gunawan Che Ab Aziz, “Ramadan Peluang Terbaik Cari Takwa,” dikemaskini 17 Mei 2019, diakses 02 Februari 2024,

Disisi lain, ibadah puasa juga mempunyai beberapa manfaat, di antaranya, melatih untuk bersabar dan dapat merasai kesusahan orang-orang *da'if*. Kemudian, ibadah puasa juga dapat menyihatkan tubuh/badan, dan sistem pencernaan serta membantu mencegah beberapa penyakit seperti penyakit kolesterol<sup>3</sup>, penyakit jantung, dan lain-lain.<sup>4</sup>

Ada sebab puasa Ramadan boleh ditinggal, antaranya apabila seorang dalam keadaan sakit, musafir, orang lanjut usia, seorang perempuan sedang hamil dan menyusui, nifas, dan haid.<sup>5</sup> Dalam firman Allah SWT:

أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَّرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ  
مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِينٍ فَمَنْ  
تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَأَنْ تَصُومُوا خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ  
تَعْلَمُونَ

Terjemahan: “(iaitu) dalam beberapa hari yang tertentu. Maka sesiapa di antara kamu ada yang sakit atau dalam perjalanan (lalu dia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. Dan wajib bagi orang-orang yang berat menjalankannya (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah, (iaitu): memberi makan seorang miskin. Sesiapa yang dengan kerelaan hati mengerjakan kebajikan, maka

---

<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/05/564871/ramadan-peluang-terbaik-cari-takwa>.

<sup>3</sup> Khalisha Luthfia Maulida et al., “Pengaruh Puasa Menurut Perspektif Islam Dan Sains Dalam Menurunkan Berat Badan Pada Pasien Obesitas Dan Diebetes”, *Journal of Creative Student Research (JCSR)* 1.6 (2023), 59.

<sup>4</sup> Yulian Purnama, *Ringkasan Fikih Puasa*, (Yogyakarta: t.p., 1440H), 7.

<sup>5</sup> Sayid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1987), 294.

*itulah yang lebih baik baginya. Dan berpuasa lebih baik bagimu jika kamu mengetahui.” (al-Baqarah 2: 184)*

Penjelasan ayat di atas bahawa puasa itu boleh ditinggalkan apabila seseorang telah memenuhi syarat hukum, dan puasa tersebut wajib diganti setelah bulan Ramadan sesuai puasa yang ditinggalkan selama bulan Ramadan.<sup>6</sup> Apabila seorang tidak mampu menggantikannya, maka diwajibkan membayar fidyah<sup>7</sup> atau memberi makanan kepada orang miskin.<sup>8</sup>

Oleh itu, di bulan Ramadan wanita merasakan ada batasan dalam kesempatan untuk melakukan ibadah, sedangkan mereka juga berkeinginan untuk memperoleh peluang yang sama seperti lelaki, sehingga sebahagian daripada mereka mungkin merasakan kerugian sekiranya meninggalkan ibadah-ibadah tersebut. Namun disebalik semua itu, Allah SWT memberikan rukhsah (keringanan atau kemudahan).<sup>9</sup> Rukhsah (keringanan atau kemudahan) bagi perempuan atas segala uzur yang dialaminya, kerana uzur (halangan) yang dialaminya berupa haid tersebut merupakan uzur

---

<sup>6</sup> Sheikh Wahbah al-Zuhaili, *al-Mu'tamad Fī al-fiqh al-Shāfi'ī*, (Damsyik: Dār al-Qalam, 2011.), 2:200.

<sup>7</sup> Fidyah menurut Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah menetapkan bahawa kadar bayaran fidyah bagi satu hari puasa yang ditinggalkan ialah satu cupak beras yang boleh dibuat zakat fitrah (1/4 gantang Baghdad). Dalam bentuk nilai matawang adalah berdasarkan kepada kadar yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan sehingga tahun 2019, secupak beras bersamaan dengan 600gram dinilai dengan kadar RM 4.00. “Irsyad Al-Fatwa Khas Ramadan Siri Ke-155: Kadar Fidyah Meninggalkan Puasa Dengan Sengaja,” diakses 02 Mac 2024, <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/edisi-ramadan/3831-irsyad-al-fatwa-khas-ramadan-siri-ke-155-kadar-fidyah-meninggalkan-puasa-dengan-sengaja>.

<sup>8</sup> Sayid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, 295.

<sup>9</sup> Sulastris Caniago, “Azimah Dan Rukhsah Suatu Kajian Dalam Hukum Islam”, *Jurnal Juris* 13.2 (2014), 116.

samawi,<sup>10</sup> yang pada dasarnya bukan usaha dari manusia, melainkan telah menjadi fitrah yang ditentukan Allah untuk kaum perempuan.

Meskipun secara zahir kaum perempuan itu sedikit sekali mendapati kesempatan untuk melakukan ibadah yang sempurna, namun secara batiniah mereka mempunyai kesempatan yang sama dengan lelaki. Hal ini kerana apabila mereka meninggalkan solat lima waktu atau puasa ketika mengalami haid atau nifas,<sup>11</sup> bermakna mereka telah melakukan ketaatan dan patuh kepada ketetapan Allah dan Rasul yang mengharamkan mereka melakukan ibadah tersebut.<sup>12</sup> Hal ini bermaksud dengan tidak melaksanakan solat dan puasa bagi wanita yang sedang haid dan nifas, maka mereka akan mendapat pahala. Sebaliknya, apabila mereka memaksa diri untuk melaksanakan solat dan puasa ketika mengalami keuzuran, maka mereka akan mendapat dosa. Oleh kerana itu, tidak melaksanakan ibadah solat atau puasa bagi wanita yang sedang haid dan nifas adalah dikategorikan sebagai ibadah bagi mereka, kerana pada ketika itu mereka dilarang daripada melaksanakannya.<sup>13</sup>

Walau bagaimanapun, apabila seorang wanita mengambil tindakan seperti meminum ubat penunda haid dalam usaha untuk menunda haidnya supaya dia boleh melaksanakan ibadah wajib, ini menimbulkan persoalan. Tindakan ini secara tidak langsung bertentangan dengan fitrah tubuh wanita. Hal ini boleh menjejaskan

---

<sup>10</sup> Sulastrri Caniago, "Azimah Dan Rukhshah Suatu Kajian Dalam Hukum Islam", *Jurnal Juris* 13.2 (2014), 116.

<sup>11</sup> Nur Asmadayana Hasim et al., "Haid daripada Perspektif Sains dan Maqasid Shari'ah (Menses from the Perspective of Science and Maqasid Shari'ah)", *Jurnal Sains Malaysiana* 45.12 (2016), 1883.

<sup>12</sup> Devi Azwinda, "Penggunaan Obat Penunda Haid Untuk Berpuasa Ramadan (Perspektif Ulama Nu Dan Ulama Salafi)", *Jurnal Al-Mazahi* 7.2 (2019), 169.

<sup>13</sup> Zufriani et al., "Tinjauan Hukum Islam Tentang Campur Tangan Manusia Dalam Uzur Syara' (Studi Rukhshah Pada Perempuan)", *Mahkamah: Jurnal Kajian Hukum Islam* 6.2 (2021), 169.

kesihatannya dalam jangka panjang.<sup>14</sup> Jika ditelaah dari segi aspek perubatan, penggunaan ubat menunda haid mengandungi kesan sampingan tertentu yang memberikan kesan terhadap kesihatan.<sup>15</sup> Hal ini kerana darah haid adalah darah kotor yang keluar dari tubuh adalah secara alamiah. Sekiranya darah tersebut dihalang keluar, maka akan mengakibatkan kesan tertentu yang akan dialami oleh perempuan.<sup>16</sup>

Dalam buku Problema Haid oleh H. Hendrik (2006) dijelaskan bahawa wanita sebaiknya bersabar dan reda terhadap segala sesuatu yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Meskipun tidak boleh menjalankan puasa dan solat kerana haid, namun pintu-pintu kebaikan lain akan tetap terbuka bagi wanita. Misalnya seperti berzikir, berselawat, bersedekah, dan lain-lain.

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا  
إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Terjemahan:

*“Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah,  
dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke  
dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, kerana*

---

<sup>14</sup> Mujibuddin, *Hukum Mengonsumsi Obat Penunda Haid Dalam Pelaksanaan Ibadah Haji* (Jawa Tengah: Media Guru Indonesia, 2019), 167-180. Surya Rahmadana et al., “Penundaan Masa Menstruasi Dalam Ibadah Puasa Ramadhan Menurut Fatwa MUI No. 2 Tahun 1979”, *TARUNALAW: Journal of Law and Syariah* 1.1 (2023), 89.

<sup>15</sup> Nanang W Astarto, Tono Djuantono dan Dian Djahyadi, *Menunda Haid dalam Mengatasi Masalah Ketika Beribadah Haji dan Umrah, dalam Step by Step Penanganan Kelainan Endokrinologi Reproduksi dan Fertilitas Dalam Praktik Sehari-hari* (Jakarta: Sagung Seto, 2012), 243.

<sup>16</sup> *Ibid.*, 245.

*sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang  
berbuat baik.*"(al-Baqarah 2:195)

Kemudian, Rasulullah SAW juga memperingatkan, لا ضرر ولا ضرار "Jangan bahayakan (dirimu) dan jangan membahayakan orang lain." (Hadith Hasan diriwayatkan oleh Ahmad, Ibnu Majah dari Ibnu Abbas dan oleh Ibnu Majah dari 'Ubadah).<sup>17</sup>

Dari dalil tersebut, dapat difahami bahawa umat Islam dilarang untuk menyakiti diri sendiri secara sengaja meskipun dengan alasan yang dikaitkan dengan agama. Walau bagaimanapun, apabila wanita hanya terpaksa kerana keadaan tertentu apakah boleh minum ubat untuk menunda haid di bulan Ramadan?

Fatwa Bahthul Masail Nahdhatul Ulama (NU) memainkan peranan penting dalam membimbing umat Islam dalam menghadapi isu-isu kontemporari yang berkaitan dengan syariat. Salah satu isu yang sering dibahas adalah penggunaan ubat penundaan haid oleh wanita Muslimah pada bulan Ramadan. Isu ini relevan kerana wanita yang sedang haid dikecualikan daripada berpuasa, yang merupakan salah satu ibadah utama dalam bulan yang mulia ini. Dalam perspektif *maqāṣid al-Sharī'ah*, tujuan syariah yang utama adalah untuk menjaga dan melindungi lima kepentingan dasar manusia: agama, jiwa, akal, keturunan, dan harta.<sup>18</sup>

---

<sup>17</sup> Jika ditelaah dari segi perubatan, ubat penunda haid mengandungi kesan sampingan tertentu terhadap kesihatan. Darah haid adalah darah kotor yang keluar dari tubuh secara alami. Jika darah tersebut dihalang keluar, maka akan mengakibatkan kesan tertentu kepada kaum wanita. Lihat "Memahami Pembekuan Darah Semasa Haid," diakses 11 Februari 2025, <https://gleneagles.com.my/ms/health-digest/blood-clots-menstruation>.

<sup>18</sup> Abū Ishāq al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, 2003), 2:8.



*Maqāṣid al-Sharī'ah* menawarkan kerangka kerja untuk memahami bagaimana hukum Islam boleh diaplikasikan dalam konteks moden, dengan menitikberatkan kesejahteraan dan kemaslahatan umat. Dalam konteks penggunaan ubat penundaan haid, fatwa ini berusaha untuk menyeimbangkan antara pemeliharaan kewajipan agama (puasa) dan menjaga kesihatan serta kesejahteraan wanita. Fatwa Bahtul Masail NU akan mengkaji dari sudut apakah penggunaan ubat di bulan Ramadan sejalan dengan prinsip-prinsip *maqāṣid al-Sharī'ah*, khususnya dalam hal menjaga kesihatan dan tidak menyebabkan mudarat kepada pengguna.

Kajian ini bertujuan untuk memberi gambaran tentang bagaimana NU menggunakan pendekatan *maqāṣid al-Sharī'ah* dalam mengeluarkan fatwa mengenai penggunaan ubat penundaan haid di bulan Ramadan. Dengan memahami konteks dan tujuan fatwa tersebut, diharapkan dapat memberikan panduan yang lebih jelas dan bermanfaat bagi umat Islam, khususnya para wanita yang ingin menunaikan ibadah puasa dengan penuh pada bulan Ramadan.

## **METODE ISTINBAT HUKUM DAN PENDEKATAN MAQĀṢID AL-SHARĪ'AH BAHTHUL MASAIL NU**

Bahtsul Masail Nahdlatul Ulama (NU) adalah forum rasmi yang membincangkan masalah-masalah keagamaan, terutama fiqh, berdasarkan *akidah Ahl Sunnah wal Jamaah* dan mengikuti salah satu daripada empat mazhab: Hanafi, Maliki, Syafi'i, dan Hanbali.<sup>19</sup> NU ditubuhkan pada 31 Januari 1926 oleh K.H. Hasyim Asy'ari di Surabaya, dengan tujuan mengukuhkan kesetiaan umat Islam kepada salah satu mazhab tersebut.<sup>20</sup> Bahtsul Masail berfungsi

---

<sup>19</sup> Masyhudan Dardiri, "Implementasi Metode Ijtihad Ulama' Dalam Bahtsul Masa'il Nahdlatul Ulama", *Rizquna : Jurnal Hukum dan Ekonomi Syariah* 2.2 (2023), 93.

<sup>20</sup> H. Soeleiman Fadeli dan Mohammad Subhan, *Antologi NU, Sejarah-Istilah-Amaliah-Uswah*, Buku I, cet-ke iv, (Surabaya: Khalista 2012), 36.

sebagai forum perbincangan alim ulama dalam menetapkan fatwa dan memberikan bimbingan keagamaan mengikut fahaman *Ahl Sunnah wal Jamaah*.

Sejak ditubuhkan, Bahtsul Masail menjadi bahagian penting dalam struktur organisasi NU, berfungsi untuk menghimpun, membincang, dan menyelesaikan masalah-masalah keagamaan yang memerlukan kepastian hukum. Forum ini pertama kali diadakan pada Kongres I NU tahun 1926 dan kemudian menjadi sebahagian daripada bahan muktamar serta pelbagai pertemuan nasional NU. Namun, situasi politik yang tidak stabil menyebabkan penganjurannya tidak lagi rutin setiap tahun selepas tahun 1940.<sup>21</sup>

Pada tahun 1989, Muktamar NU ke-28 di Yogyakarta mengesyorkan pembentukan Lajnah Bahtsul Masail Diniyah sebagai lembaga tetap. Pembentukan ini disahkan oleh PBNU (Pengurus Besar Nahdlatul Ulama') pada tahun 1990 melalui SK PBNU nombor 30/A.I.05/5/1990, bertujuan untuk mengonsolidasikan ulama dan cendekiawan NU dalam melakukan ijtihad jama'i.<sup>22</sup> Walau bagaimanapun, status lajnah ini masih dianggap *ad hoc*, bukan organ yang tetap.

Lembaga Bahtsul Masail Nahdlatul Ulama mengalami perkembangan yang sangat signifikan ketika merumuskan cara istinbat hukum pada Musyawarah Nasional Alim Ulama tahun 1992 di Lampung.<sup>23</sup> Dalam kegiatan tersebut, berjaya dirumuskan tiga

---

<sup>21</sup> Ahmad Zahro, *Tradisi Intelektual NU: Lajnah Bahtsul Masail 1926-1999*, cet-ke I, (Yogyakarta: LKiS 2004), 68-69.

<sup>22</sup> Ahmad Zahro, *Tradisi Intelektual NU: Lajnah Bahtsul Masail 1926-1999*, cet-ke I, (Yogyakarta: LKiS 2004), 68-69.

<sup>23</sup> Abdul Wafi, "Reformasi Bermadzhab dalam NU (Studi Pergeseran Metode Bahtsul Masail dari Qauli ke Manhaji)" (tesis kedoktoran, Konsentrasi Hukum Islam Sekolah Pascasarjana Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2021), 63.

metode istinbat hukum yang diaplikasikan secara berperingkat, yaitu:

1. Metode *Qauliy*, yaitu mengutip langsung dari naskah kitab rujukan. Suatu masalah hukum dipelajari lalu dicari jawabannya dalam kitab-kitab fiqh yang menjadi rujukan (*kutub al-Mu'tabarah*) dari empat mazhab.
2. Metode *Ilhaqiy*, yaitu menganalogikan hukum permasalahan tertentu yang belum ada dasar hukumnya dengan kes serupa yang sudah ada dalam suatu kitab rujukan, dan
3. Metode *Manhajiy*, yaitu menelusuri dan mengikuti metode istinbat hukum mazhab empat.<sup>24</sup>

Kenyataan mengenai dominannya mazhab Syafi'i memang ada. Pendapat para ulama Syafi'iyah masih cukup dominan dalam forum Bahtsul Masa'il NU.<sup>25</sup> Namun demikian, perlu dijelaskan bahawa dominasi Syafi'i bukan bermakna ulama NU menolak pendapat (*aqwāl*) ulama di luar Syafi'iyah. Hal itu berlaku kerana para kiyai NU tidak mempunyai rujukan kitab lain di luar mazhab Syafi'i seperti kitab *al-Mudawanaḥ* (Imam Malik), *Kanz al-Wuṣūl* (Bazdawī al-Ḥanafī), *al-Iḥkām Fī Uṣūl al-Aḥkām* (Ibnu Ḥazm).<sup>26</sup>

Secara eksplisit, Nahdlatul Ulama (NU) tidak menggunakan istilah *maqāṣid al-Sharī'ah* dalam hasil kongresnya, melainkan mengguna pakai istilah *maṣlahah 'āmmah* (kepentingan umum). *Maṣlahah 'āmmah* difahami sebagai kepentingan manusia yang meliputi nilai manfaat serta ketiadaan unsur yang merugikan. Meskipun demikian, *maṣlahah 'āmmah* yang diutamakan harus

---

<sup>24</sup> Abdul Wafi, "Reformasi Bermadzhab dalam NU (Studi Pergeseran Metode Bahstul Masail dari Qauli ke Manhaji)" (tesis kedoktoran, Konsentrasi Hukum Islam Sekolah Pascasarjana Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2021), 65.

<sup>25</sup> Ahmad Zahro, *Tradisi Intelektual NU: Lajnah Bahtsul Masail 1926-1999*, 93.

<sup>26</sup> Masyhudan Dardiri, *Implementasi Metode Ijtihad Ulama' Dalam Bahtsul Masa'il Nahdlatul Ulama'*, 96.

sejalan dengan tujuan syarī'ah yang lebih tinggi (*maqāṣid al-Sharī'ah*).<sup>27</sup> Lima hak yang perlu dijaga sesuai dengan *maqāṣid al-Sharī'ah* adalah: kebebasan beragama, kehidupan dan martabat manusia, akal budi dan hati nurani, keluarga dan keturunan, serta harta benda. Pada akhirnya, pelaksanaan *maṣlahah 'āmmah* wajib berlandaskan prinsip keadilan, kebebasan, dan persamaan di depan hukum.

Istilah *maṣlahah 'āmmah* yang dianut NU sejalan dengan konsep *maqāṣid al-syarī'ah* secara umum. Berdasarkan dalil al-Ghazali, menjaga agama, diri, fikiran dan hati nurani serta harta benda disebut “*maṣlahah*” sementara menghindarinya adalah “*mafsadah*”.<sup>28</sup> Meskipun para ahli hukum Islam menggunakan berbagai istilah, secara substansial istilah-istilah tersebut merujuk pada konsep yang sama, iaitu *maqāṣid al-Sharī'ah*.

*Maṣlahah 'āmmah* berfungsi sebagai dasar pertimbangan dalam pembuatan undang-undang atau dasar untuk menghadapi cabaran masyarakat. Penting untuk mencegah penerapan *maṣlahah 'āmmah* berdasarkan keinginan individu atau kepentingan kelompok tertentu, kerana *maṣlahah 'āmmah* disahkan kebenaran hukumnya (syara’).

NU menyatakan bahawa *maṣlahah 'āmmah* harus selaras dengan tujuan hukum Islam yang lebih tinggi dan untuk kepentingan umum, bukan perseorangan. *Maṣlahah 'āmmah* tidak boleh merosakkan kepentingan awam dan bersifat konkrit (*ḥaqīqīyah*),

---

<sup>27</sup> Abdul Wafi, *Reformasi Bermadzhab dalam NU (Studi Pergeseran Metode Bahthul Masail dari Qauli ke Manhaji)*, 94.

<sup>28</sup> Muhammad Asep, “Maqāṣid al-Sharī'ah Critique of Nahdlatul Ulama's Fiqh of Disability”, *Journal of Islamic Legal Studies* 1.2 (2020), 81.

bukan hipotetik (*wahmiyah*), serta tidak boleh bertentangan dengan *al-Qur'an*, *hadith*, *ijmā'*, dan *qiyās*.<sup>29</sup>

Lembaga Bahthul Masail Nahdlatul Ulama (LBMNU) sentiasa meletakkan prinsip *maqāṣid al-Sharī'ah* sebagai tolak kayu ukur untuk membuat fatwa, undang-undang, atau dasar. Oleh itu, *Maṣlahah 'āmmah* menurut NU mengarahkan *maqāṣid al-Sharī'ah* sebagai pertimbangan mendasar untuk memastikan relevansi undang-undang tersebut bila-bila saja dan dalam konteks apapun.<sup>30</sup>

Bahthul Masail NU, sebagai metode pembahasan agama dalam tradisi Nahdlatul Ulama (NU), dapat dikaji dalam kerangka *maqāṣid al-Sharī'ah* untuk memastikan hukum yang terhasil bukan hanya berdasarkan teks, tetapi juga mengambil kira tujuan syari'at, seperti perlindungan agama (*ḥifẓ al-dīn*), jiwa (*ḥifẓ al-nafs*), akal (*ḥifẓ al-'aql*), keturunan (*ḥifẓ al-nasl*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*). Dalam pendekatan ini, ulama yang terlibat dalam Bahthul Masail bukan sahaja merujuk kepada kitab-kitab turath (klasik) tetapi juga memikirkan realiti sosial dan kemaslahatan umat. Dengan cara ini, keputusan yang terhasil kekal berteraskan fiqh tetapi fleksibel dalam menghadapi cabaran zaman, selaras dengan prinsip istislah (kemaslahatan) yang menjadi teras *maqāṣid al-Sharī'ah*.

## **PANDANGAN ULAMA TENTANG PENGGUNAAN UBATAN PENUNDAAN HAID DI BULAN RAMADAN**

Seiring dengan perkembangan zaman dan kemajuan industri farmasi sehingga telah menemukan ubatan khusus untuk menunda haid. Ubatan ini akan menjadikan golongan wanita tidak mengalami haid

---

<sup>29</sup> Nahdlatul Ulama, *Ahkamul Fuqaha: Solusi Problematika Aktual Hukum Islam, Keputusan Mukhtar, Munas dan Konbes Nahdlatul Ulama (1926-2004 M)*, (Surabaya: Lajnah Ta'lif Wan Nasyr (LTN) NU Jawa Timur, 2004), 625. Muhammad Asep, *Maqāṣid al-Sharī'ah Critique of Nahdlatul Ulama's Fiqh of Disability*, 42.

<sup>30</sup> Muhammad Adib, *Kritik Nalar Fikih NU* (Malang: KiriSufi, 2021), 271.

selama jangka waktu yang panjang. Dari sini dapat disimpulkan bahawa wujud gagasan memperlambatkan atau menunda haid dengan harapan boleh melaksanakan ibadah yang telah Allah SWT janjikan pahala kepada mereka.<sup>31</sup>

Penundaan pengeluaran darah untuk kepentingan ibadah merupakan permasalahan hukum Islam kontemporari yang termasuk dalam wilayah ijtihad, kerana permasalahan ini tidak dinyatakan secara terperinci di dalam *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*. Berdasarkan sejarah, kemunculan teori ijtihad dalam Islam adalah kerana pertembungan antara ajaran Islam di satu pihak dan tuntutan realiti kehidupan manusia di lain pihak. Teori ijtihad dalam hukum Islam merupakan permulaan epistemologi hukum Islam kerana berkaitan persoalan peranan wahyu dan akal.<sup>32</sup>

Pada dasarnya setiap orang menginginkan peningkatan kualiti dalam pelbagai ruang lingkup kehidupan. Tidak terkecuali peningkatan kualiti dalam beribadah kepada Allah SWT. Oleh yang demikian, tidak sedikit antara mereka yang berlumba-lumba dalam meraih kesempurnaan ibadah yang dilakukan termasuk ketika menghadapi bulan suci Ramadan.<sup>33</sup> Bagi meraih keutamaan bulan suci Ramadan secara maksimum dan dengan niat agar tidak mempunyai tanggungan berpuasa dalam bulan Ramadan yang akhirnya mewajibkan gantian puasa pada hari lain (*qada'* di luar

---

<sup>31</sup> Dinda Rufaeda Samsuardi Amir. “*Pandangan Islam Terhadap Obat Penunda Haid Untuk Kepentingan Ibadah*”. Kertas Kerja Program Studi Perbandingan Mazhab, Fakultas Syari'ah, Universitas Darussalam GONTOR (UNIDA) Kampus Putri, 5.

<sup>32</sup> Mustafa, “Penundaan Masa Menstruasi dalam Ibadah Puasa Ramadan”, *Al-Nadhair: Jurnal Kajian Fikih dan Ushul Fikih* 1.2 (2022), 141.

<sup>33</sup> Devi Azwinda, “Penggunaan Obat Penunda Haid Untuk Berpuasa Ramadan (Perspektif Ulama Nu Dan Ulama Salafi)”, 169.

Ramadan), maka sebahagian daripada kaum wanita memilih untuk menggunakan ubatan untuk menunda haid di bulan Ramadan.<sup>34</sup>

## ULAMA MENGHARUSKAN

Menurut ulama Shafi'iyah, dibolehkan dengan syarat tidak menimbulkan bahaya pada dirinya.

ثم إن المرأة متى شربت دواء وارتفع حيضها فإنه يحكم لها  
بالطهار

Terjemahan: “Kemudian sesungguhnya perempuan yang meminum ubat untuk menghentikan menstruasi, maka ia dihukumkan suci.”<sup>35</sup>

Kemudian Syekh Muhammad ibn al-Husain al-Qammath menyatakan:

وَفِي فَتَاوَى الْقَمَّاطِ مَا حَاصِلُهُ جَوَازُ اسْتِعْمَالِ الدَّوَاءِ  
لِمَنْعِ الْحَيْضِ

Terjemahan: “Dalam *Fatawa al-Qammat* disimpulkan dibolehkan menggunakan ubat untuk mencengah kedatangan haid.”<sup>36</sup>

---

<sup>34</sup> Mustafa, “Penundaan Masa Menstruasi dalam Ibadah Puasa Ramadan”, 139.

<sup>35</sup> Shams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad ibn Ḥamzah al-Ramlī al-Shāfi‘ī, *Nihāyah al-Muḥtāj*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1997), 217.

<sup>36</sup> Abu Abdullah al-Khatn, *Sharḥ al-Talkhīṣ*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 2000), 196.

Pendapat di atas menjelaskan bahawa penggunaan ubat penunda haid boleh digunakan untuk mencegah haid, akan tetapi harus dengan keputusan doktor dan suami. Kemudian pandangan Malikiyyah:

الْمَالِكِيَّةُ قَالُوا: أَمَّا أَنْ تَصُومَ الْحَيْضُ بِسَبَبِ دَوَاءٍ فِي  
غَيْرِ مَوْعِدِهِ فَإِنَّ الظَّاهِرَ عِنْدَهُمْ أَنَّهُ لَا يُسَمَّى حَيْضًا وَلَا  
تَنْقُضِي بِهِ عِدَّتَهَا وَهَذَا بِخِلَافِ مَا إِذَا اسْتَعْمَلْتَ دَوَاءً  
يَنْقَطِعُ بِهِ الْحَيْضُ فِي غَيْرِ وَقْتِهِ الْمُعْتَادِ فَإِنَّهُ يُعْتَبَرُ طَهْرًا  
وَتَنْقُضِي بِهِ الْعِدَّةَ عَلَى أَنَّهُ لَا يَجُوزُ لِلْمَرْأَةِ أَنْ تَمْنَعَ  
حَيْضَهَا أَوْ تَسْتَعْجِلُ إِنْزَالَهُ إِذَا كَانَ ذَلِكَ يَضُرُّ صِحَّتَهَا  
لِأَنَّ الْمُحَافَظَةَ عَلَى صِحَّةٍ وَاجِبَةٌ

Terjemahan: “Kalangan Malikiyah berpendapat: jika wanita berpuasa kerana ubat yang mencegah haid datang dalam masanya, menurut pendapat yang zahir, tidak dikatakan sebagai haid dan tidak menghabiskan masa `Iddah-nya, berbeza saat ia menjalankan haid dan meminum ubat untuk menghentikan haidnya di selain waktu kebiasaannya, maka ia dinyatakan suci namun `Iddah-nya dapat terputus kerana sesungguhnya tidak boleh bagi seorang wanita mencegah atau mempercepat keluarnya darah



*haid jika membahayakan kesihatannya kerana menjaga kesihatan wajib hukumnya.”<sup>37</sup>*

Pendapat ini dilihat selari dengan Shafi’iyyah, tetapi pandangan Malikiyah yang menjelaskan bahawa wanita yang berpuasa kerana penggunaan ubat penunda haid dibenarkan dengan syarat tidak mengganggu kesihatan tubuhnya apabila menggunakan ubatan tersebut.

Sayid Sabiq dalam kitab *Fiqh al-Sunnah*, dalam kalangan sahabat Nabi SAW ada Ibnu Umar r.a. yang diriwayatkan oleh Sa’id Ibn Mansur bahawa beliau telah ditanya orang tentang hukum seorang wanita haid yang meminum ubat agar tidak mendapat haid, agar dapat mengerjakan tawaf.<sup>38</sup> Maka beliau membolehkan hal tersebut. Muhib al-Dīn al-Ṭabarī berkata, “Jika terhentinya haid dalam keadaan seperti ini dapat diakui, maka hendaklah diakui pula terhentinya itu dalam menghitung berakhirnya masa iddah dan bentuk-bentuk kes lain.<sup>39</sup> Demikian pula jika meminum ubatan yang merangsang haid, berdasarkan persamaan antara kedua-duanya.”

Berdasarkan keterangan di atas, maka dapat diketahui bahawa menurut Sayid Sabiq salah satu dari ulama kontemporari, ia menyamakan persoalan puasa Ramadan dengan haji atau iddah dalam kaitannya dengan haid, sebagaimana ketika haid berhenti kerana menggunakan ubat sah melakukan ibadah haji dan dianggap telah berakhir masa iddahnyanya, begitu juga dengan puasa Ramadan, maka wajib terhadap perempuan tersebut untuk melakukan puasa Ramadan.<sup>40</sup>

---

<sup>37</sup> ‘Abd al-Rahmān al-Jazīrī, *al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-Arba‘ah*, cet ke-ii (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 2003), 2:115.

<sup>38</sup> Sayid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, 145-149.

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> Mustafa, “Penundaan Masa Menstruasi dalam Ibadah Puasa Ramadan”, 140.

Syeikh Mansur dalam kitabnya *Kashshāf al-Qanā'* menyamakan permasalahan penundaan haid dengan persoalan *al-'azl* (menunda kehamilan), maka sebagaimana kriteria yang dibolehkan pada penundaan kehamilan, maka begitu juga dalam penundaan haid, sebagaimana hukum yang telah ditetapkan untuk penundaan kehamilan begitu juga berlaku kepada permasalahan penundaan haid.<sup>41</sup>

Hukum ubat pencegah haid menurut Ibn Qudamah *rahimahullah* dalam kitab *al-Mughni* (1/226), menyebutkan,

رُوي عَنْ أَحْمَدَ رَحِمَهُ اللَّهُ، أَنَّهُ قَالَ: لَا بَأْسَ أَنْ تَشْرَبَ  
الْمَرْأَةُ دَوَاءً يَقْطَعُ عَنْهَا الْحَيْضَ، إِذَا كَانَ دَوَاءً مَعْرُوفًا

Terjemahan: “Diriwayatkan dari Imam Ahmad *rahimahullah*, beliau berkata, “Tidak mengapa seorang wanita menggunakan ubat-ubatan untuk menghalangi haid, asalkan ubat tersebut baik (tidak membawa kesan negatif).”<sup>42</sup>

Huraian daripada ayat di atas bahawa seseorang perempuan yang menggunakan ubat penunda haid untuk kepentingan ibadah adalah dibenarkan dengan syarat bahawa ia tidak membahayakan keadaan kesihatan.<sup>43</sup> Kemudian, pandangan Yusuf al-Qaradawi sebagai tokoh fiqh kontemporari, bahawa wanita dibenarkan menggunakan ubat penunda haid dengan syarat berikut:

---

<sup>41</sup> Sheikh Manṣūr Ibn Yūnus al-Bahūtī, *Kashshāf al-Qanā'* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 2000), 2:96.

<sup>42</sup> Khusnul Rofiana, “Hukum Obat Pencegah Haid,” diakses 17 Mei 2024, <https://muslimah.or.id/10442-hukum-obat-pencegah-haid.html>.

<sup>43</sup> Yusuf al-Qaradawi, *Fatwa-Fatwa Kontemporer*, (Jakarta: Gema Insani Press, 1996), 420.

1. Dikhuatiri bahawa ibadah haji dan puasanya tidak sempurna jika ia tidak menggunakan ubat penunda haid.
2. Dikhuatiri akan mengalami kesukaran dalam mengganti puasa di kemudian hari.
3. Ubat penunda haid tersebut tidak membawa kesan mudarat baginya.<sup>44</sup>

Menurut Fatwa *al-Lajnah al-Daimah*,<sup>45</sup> adalah diharuskan bagi wanita menggunakan pil pencegah haid sewaktu menunaikan haji sekiranya dibimbangi akan datang haid semasa menunaikan haji dan umrah. Hal demikian dilakukan setelah sesi konsultasi bersama doktor pakar untuk menjaga keselamatan (kesihatan) wanita yang menggunakannya dan demikian pula pada bulan Ramadan jika mereka ingin berpuasa.<sup>46</sup>

Ubat pencegah haid belum dikenali di masa silam. Beberapa ulama kontemporari melakukan penelitian dan majoriti membolehkan penggunaan pil pencegah haid. Hal ini kerana di era global ini sangat canggih terutama dalam bidang farmasi, seperti pembuatan ubat penunda haid yang dapat menunda jangkaan waktu yang lama. Pemberian ubatan penunda haid dapat juga dimulai penggunaannya pada hari ke-5 kitaran haid. Untuk

---

<sup>44</sup> Yusuf al-Qaradawi, *Fatwa-Fatwa Kontemporer*, (Jakarta: Gema Insani Press, 1996), 225.

<sup>45</sup> Fatwa Al-Lajnah Ad-Daimah, merupakan lembaga fatwa yang merupakan agensi berkaitan agama Islam di Arab Saudi yang ditubuhkan oleh Raja bagi membincangkan hal-hal berkaitan perundangan Islam (fiqah) dan menyediakan kertas kajian kepada Majlis Ulama Kanan yang akan menasihati Raja dalam hal ehwal agama Islam. Lihat, Wikipedia, "Presidensi Umum Penyelidikan Islam dan Kefatwaan," diakses 09 Mac 2024, [https://ms.wikipedia.org/wiki/Presidensi\\_Umum\\_Penyelidikan\\_Islam\\_dan\\_Kefatwaan](https://ms.wikipedia.org/wiki/Presidensi_Umum_Penyelidikan_Islam_dan_Kefatwaan).

<sup>46</sup> "Fatāwā al-Mar'ah al-Lajnah al-Dā'imah," no.2830, diakses 09 Mac 2024, <http://www.alifta.net/Fatawa/fatawaDetails.aspx?BookID=2&View=Page&PageNo=1&PageID=96>.

memajukan haidnya enam hari lebih awal dari haid yang akan datang, maka pemakaian *tablet progesterone* dimulai pada hari ke-5 sampai hari ke-19 dari kitaran haid.<sup>47</sup>

## ULAMA MENGHARAMKAN

Pendapat hal ini bertentangan dengan pendapat Syaikh ‘Uthaimīn. Dalam aspek perbahasan, Syaikh ‘Uthaimīn menyatakan bahawa wanita yang makan ubat penunda haid di bulan Ramadan selamanya tidak membahayakan menurut bahagian kesihatan, tidaklah dilarang dengan syarat ada izin suaminya. *Tablet* atau pil tersebut dapat membahayakan disebabkan darah haid keluar secara alami. Sekiranya hal yang alami ini tertahan pada waktunya, maka akan menimbulkan kesan negatif pada tubuh badan begitu juga, dengan menggunakan pelbagai ubat sehingga timbul keraguan (kerana darah seperti tidak keluar) dalam solat, melakukan persetubuhan atau lain-lain. Oleh itu, beliau tidak menghukumi sesuatu yang haram; bagaimanapun, ini tidak sepatutnya berlaku. Perempuan sepatutnya menerima keputusan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.<sup>48</sup> Oleh itu, untuk menjaga kehati-hatian maka makan ubat penunda haid dibulan Ramadan adalah haram, kerana darah haid merupakan darah fitrah yang telah ditetapkan Allah untuk perempuan. Jadi ia tidak boleh dihalang oleh apa-apa yang berbahaya pada kesihatan badan.

Menurut beliau, dalam permasalahan ini para wanita disarankan untuk tidak menggunakannya sama ada semasa Ramadan mahupun di bulan lain. Ini kerana menurut pakar perubatan, hal itu akan menimbulkan bahaya yang besar bagi rahim,

---

<sup>47</sup> Nanang W Astarto, Tono Djuantono dan Dian Djahyadi, *Menunda Haid dalam Mengatasi Masalah Ketika Beribadah Haji dan Umrah*, dalam *Step by Step Penanganan Kelainan Endokrinologi Reproduksi dan Fertelitas Dalam Praktik Sehari-hari*, 245-248.

<sup>48</sup> Muḥammad Ibn Ṣāliḥ Al-‘Uthaimīn, 257 *Tanya Jawab, Fatwa-Fatwa al-Uthaimin*, terj. Masdar Helmy (Bandung: Gema Risalah Press), 33.

urat saraf, dan darah dan segala sesuatu yang menimbulkan bahaya adalah dilarang. Nabi Muhammad SAW telah bersabda:

لا ضرر ولا ضرار

Terjemahan: “*Janganlah kamu melakukan tindakan yang membahayakan dirimu dan membahayakan orang lain*”.<sup>49</sup>

Atas faktor majoriti daripada golongan wanita yang menggunakan ubat tersebut akan menyebabkan keadaan haid mereka berubah, maka para ulama membincangkan permasalahan tersebut. Oleh yang demikian, adalah lebih baik sekiranya tidak menggunakan ubatan tersebut baik Ramadan mahupun bulan-bulan lain.<sup>50</sup>

Semasa menunaikan Haji Wada', Nabi SAW bertemu Ummul Mukminin yang tenang bersedih selepas selesai berihram bagi umrah. Tegurnya: “Apakah dinda tengah keluar darah?” Ya, “jawabannya. Beliau berkata itulah suatu yang ditentukan Allah bagi anak-anak perempuan Adam.” Sebaiknya para wanita bersabar dan mengharapkan pahala Allah SWT manakala datang haid hingga perlu meninggalkan solat dan puasa. Hal ini kerana bagi mereka masih terbuka pintu zikir, bertasbih, bertahmid, bersedekah, berbuat

---

<sup>49</sup> HR. Imam Ahmad 1/313, Ibn Mājah, dalam (Kitāb al-Aḥkām, Bāb Man Banā biḤaqqihi Mā Yaḍurru Jārahu, no. hadith 2341). al-Ṭabarānī dalam (al-Kabīr, no. hadith 11806) dari Jābir al-Jā'fī dari Ikrimah dari Ibn 'Abbās Raḍīya allāhu 'anhu. Hadith ini mempunyai banyak *shāhid* sehingga semakin kuat. Di mana hadith ini diriwayatkan dari 'Ubādah Ibn al-Sāmit, Abū Sa'īd al-Khudrī, Abū Hurairah, Jābir Ibn 'Abdillāh, 'Ā'ishah, Tha'labah Ibn Abī Mālik al-Quraẓī, dan Abū Lubābah Raḍīya allāhu 'anhum. 'Alī Ibn 'Umar Abū Al-Ḥasan Al-Dāraqutnī Al-Baghdādī, *Sunan Al-Dāraqutnī* (Beirut: Dār Al-Ma'rifah, 1966), 3:77.

<sup>50</sup> Aspandi, “Pemakaian obat Siklus Haid Bagi Jamaah Haji Indonesia telaah kaedah al-Masyaqqatu Tajlibu al-Taysir”, *Jurnal Shari'ah dan Hukum Islam, Al-Adalah* 1.1 (2016), 5.

baik dengan perkataan dan perbuatan adalah amal terbaik buat dilakukan.<sup>51</sup>

Kemudian, Syeikh Muṭawallī al-Sha'rawī menyatakan bahawa pemakaian ubat penahan haid bagi Muslimah pada bulan Ramadan, hal tersebut bererti telah menolak rukhshah (keringanan hukum) yang diberikan Allah kepadanya. Selain itu, menggunakan ubat menahan haid dapat merosak metabolisme tubuh manusia. Oleh kerana itu pemakaian ubat menahan haid bagi Muslimah khususnya di bulan Ramadan perlu dihindari.<sup>52</sup>

### **FATWA BAHTHUL MASAIL NU TENTANG PENGGUNAAN UBATAN PENUNDAAN HAID DI BULAN RAMADAN**

Pendapat Bahthul Masail NU dalam permasalahan ini pernah dibahasakan menerusi Mukhtar NU ke-28 tahun 1410 H / 1989 M di Krapyak, Yogyakarta. Adapun keputusan yang dihasilkan dalam Mukhtar tersebut adalah usaha menangguhkan haid adalah dibenarkan dengan syarat tidak membahayakan bagi pelaku/pengguna dan tidak sampai memutuskan keturunan (merosakkan sel-sel reproduksi),<sup>53</sup> dan tidak memberikan kesan kehamilan daripada terhalang.<sup>54</sup>

---

<sup>51</sup> Muḥammad bin Ṣāliḥ al-'Uthaimīn, *Majmu' Fatawa, Solusi Problematika Ummat Islam Seputar Akidah dan Ibadah*, terj. Furqan Syuhada, (Solo: Pustaka Arafah, 2002), 308.

<sup>52</sup> Muḥammad Muṭawallī al-Sha'rawī, *Fatawa al-Nisa'* (t.t.: Jami' l-Kutub al-Islamiyyah, t.t.), 1:444.

<sup>53</sup> A. Khoirul Anam, "Bolehkan Suntik Penunda Haid untuk Puasa Ramadhan?," diakses 12 Feburari 2025, <https://nu.or.id/bahtsul-masail/bolehkan-suntik-penunda-haid-untuk-puasa-ramadhan-V1BQ5>.

<sup>54</sup> 'Abd al-Raḥmān Ibn Muḥammad Bā'alawī, *Ghāyah Talkhīṣ al-Murād Min Fatāwā Ibn Ziyād* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t), 247.

وَفِي فَتَاوَى الْقِمَاطِ مَا حَاصِلُهُ جَوَازُ اسْتِعْمَالِ الدَّوَاءِ  
لِمَنْعِ الْخَيْضِ

Terjemahan: “Dan kesimpulan dalam Fatawa al-Qimath adalah boleh menggunakan ubat-ubatan untuk mencegah haid.”<sup>55</sup>

مَسْأَلَةٌ: إِذَا اسْتَعْمَلَتِ الْمَرْأَةُ دَوَاءً لِمَنْعِ دَمِ الْخَيْضِ أَوْ  
تَقْلِيلِهِ فَإِنَّهُ يُكْرَهُ مَا لَمْ يَلْزَمْ عَلَيْهِ قَطْعُ النَّسْلِ أَوْ قِلَّتُهُ  
وَالْإِفْهَامُ

Terjemahan: “Jika wanita menggunakan ubat untuk mencegah haid atau menundanya, maka hukumnya makruh apabila tidak menyebabkan terputusnya keturunan atau menundanya. Jika tidak, maka haram.”<sup>56</sup>

وتناول هذه الحبوب لأجل ليس ممنوعاً شرعاً، لأنه لا  
يوجد دليل على المنع، اللهم إلا إذا ثبت أنه يلحق  
الضرر بالمرأة لقوله صلى الله عليه وسلم لا ضرر ولا  
ضرار. ففي هذه الحالة يحرم تناولها. لذلك فمن الأفضل

<sup>55</sup> Abu Abdullah al-Khatn, *Sharḥ al-Talkhīṣ*, 196.

<sup>56</sup> Muḥammad ‘Alī Al-Mālikī, *Qurrah al-‘Ain fi Fatāwā al-Ḥaramain* (Beirut: Dār al-Fikr 2004), 30.

عند إرادة تناولها مشاورة طبيب مختص، إلا إذا كانت  
معتادة عليها، ولا يلحقها ضرر بسببها والله أعلم

Terjemahan: “*Pada dasarnya tidak ada larangan secara syar’i untuk menggunakan ubat penunda haid, kerana tidak terdapat dalil larangannya kecuali dengan menggunakannya itu mengakibatkan mudarat maka terkena berdasarkan dalil Nabi iaitu tidak ada kemudharatan dan tidak memberkan madharat. Jika keadaannya seperti itu maka haram memakannya atau meminumnya. Oleh demikian, maka yang utama jika ingin menggunakannya maka harus berkonsultasi dengan doktor yang khusus, kecuali memang sudah terbiasa menggunakan ubat (pil) tersebut dan tidak terdapat kemudharatan bagi perempuan.*”<sup>57</sup>

Oleh itu, hujah-hujah yang menjadi ijmak bagi fatwa Bahtul Masail. NU membenarkan penggunaan ubat untuk melambatkan haid ketika berpuasa pada Ramadan selama 30 hari.<sup>58</sup> Dengan tujuan mencapai manfaat maksimum dalam bulan Ramadan yang mulia serta kesukaran untuk menggantikan puasa pada hari lain (qada’ di luar Ramadan), dan sekiranya penggunaan ubat tersebut tidak memudaratkan diri mereka. Mereka disarankan untuk mendapatkan

---

<sup>57</sup> Muḥammad Ibrāhīm al-Ḥafnawī, *Fatāwā Shar’iyyah Mu’āṣirah*, (Kaherah: Dār al-Hadith t.t), 280.

<sup>58</sup> A. Khoirul Anam, “Bolehkan Suntik Penunda Haid untuk Puasa Ramadhan?,” dikemaskini 26 Mei 2014, diakses 12 Februari 2025, <https://Islam.nu.or.id/bahtsul-masail/bolehkan-suntik-penunda-haid-untuk-puasa-ramadan-V1BQ5>.



nasihat daripada doktor atau pakar lain mengenai kemungkinan risiko yang boleh timbul akibat pengambilan ubat tersebut.

Hukum keharusan ubatan tersebut adalah dengan mempertimbangkan keadaan keperluan masyarakat yang sesuai perkembangan zaman setakat ini dan alasan-alasan yang telah dikaji secara kolektif oleh halaqah Bahtul Masail NU.

### **PENDEKATAN *MAQĀṢID AL-SHARĪ'AH* FATWA BATHUL MASAIL DALAM PENGGUNAAN UBATAN PENUNDAAN HAID DI BULAN RAMADAN**

Penggunaan ubat penunda haid adalah diharuskan untuk kepentingan ibadah sahaja tanpa memberikan kesan negatif terhadap ciptaan Allah SWT.<sup>59</sup> Keringanan yang diberikan oleh syariat perlu dimanfaatkan dengan sebaik mungkin tanpa melampaui batas sehingga memberikan kesan mudarat terhadap kesihatan.

Gagasan pemakaian ubat kitaran haid tidak semata-mata disepakati oleh para fuqaha, akan tetapi terdapat perbezaan pendapat di antara para fuqaha salaf, mahupun kontemporari. Daripada perbezaan tersebut muncul keinginan untuk berijtihad memberi jalan keluar terhadap permasalahan kontemporari. Dengan mengemukakan pendapat dari beberapa fuqaha, peninjauan kembali terhadap normatif nas dan konteks nas, pendekatan usul fiqh dan qawaid fiqhiyah, kajian tentang pemakaian ubat kitaran haid sangat penting untuk dilakukan.<sup>60</sup>

---

<sup>59</sup> A. Khoirul Anam, "Bolehkan Suntik Penunda Haid untuk Puasa Ramadhan?," dikemaskini 26 Mei 2014, diakses 12 Februari 2025, <https://Islam.nu.or.id/bahtsul-masail/bolehkan-suntik-penunda-haid-untuk-puasa-ramadan-V1BQ5>.

<sup>60</sup> Aspandi, "Pemakaian obat Siklus Haid Bagi Jamaah Haji Indonesia telaah kaedah al-Masyaqqatu Tajlibu al-Taysir", 3.

Persoalan penundaan masa haid merupakan persoalan intelektual tersendiri yang perlu diselesaikan oleh para pemikir Muslim sekaligus kalangan ahli perubatan, kerana permasalahan tersebut berkaitan hajat umat Muslim pada umumnya. Di satu sisi mereka berkewajipan mentafsirkan kembali al-Quran sesuai dengan tuntunan ilmiah dan objektif. Sementara pada sisi lain, terdapat kepentingan moral untuk menjelaskan al-Quran sesuai dengan keperluan mutakhir ini. Dua sisi tersebut tidak serta merta kontradiktif dan saling menafikan, melainkan bagai dua sisi mata wang yang saling melengkapi. Kesedaran akan hadirnya realiti semasa dengan pelbagai permasalahan baharu mencetuskan produk-produk fiqh baharu bagi memenuhi standard ilmiah yang kontekstual.

Dalam Islam juga ditumpukan terhadap keperluan manusia sehingga terdapat pelbagai kategori keperluan yang terdiri daripada tiga peringkat, iaitu: keperluan asasi (*darūriyyāt*), keperluan sekunder (*hājiyyah*), keperluan pelengkap (*taḥsiniyyāt*).<sup>61</sup> Adapun yang dimaksudkan dengan tujuan ketiga-tiga ini *pertama*, keperluan asasi *darūriyyāt* adalah segala sesuatu yang mempunyai tujuan untuk mencapai kemaslahatan bagi manusia di dunia mahupun kebahagiaan untuk akhirat. Apabila tujuan yang utama ini tidak dapat dilaksanakan oleh umat manusia, maka boleh mengakibatkan kematian dan menyesatkan dalam menentukan jalan hidup seterusnya.<sup>62</sup> Dalam keadaan ini, menunda haid dengan ubat boleh dianggap harus kerana termasuk dalam kategori darurat yang mengharuskan sesuatu yang asalnya terlarang (*al-darūrātu tubīḥu al-maḥzūrāt*), iaitu darurat mengharuskan yang dilarang). *Kedua*, keperluan sekunder (*hājiyyah*) adalah segala sesuatu yang diperlukan oleh manusia dapat menghilangkan segala kesempitan

---

<sup>61</sup> ‘Abd Al-Wahāb Khalaf, *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh*, (Kaherah: Dār al-Qalam, 1981), 290.

<sup>62</sup> Hasbi as-Siddiqy, *Filsafat Hukum Islam*, cet. ke-5, (Jakarta: Bulan Bintang, 1993), 89.

dan meringankan beban yang menghalangi, memudahkan cara dan beban yang dihadapi seperti kemudahan rukhsah dalam menyempurnakan ibadah. Dalam kes ini, hukum penggunaan ubat penundaan haid adalah harus selagi tidak memudaratkan kesihatan. Islam mengakui kemudahan bagi umatnya selama tidak bertentangan dengan prinsip syara’.

*Ketiga*, keperluan pelengkap (*tahsiniyyāt*) adalah segala sesuatu yang dapat dijadikan alat untuk memperindahkan keadaan dari tujuan yang pertama dan kedua baik yang bersifat akhirat mahupun duniawi selama masih dalam batas-batas normal dan tidak melanggar syar’i.<sup>63</sup> Dalam konteks ini, penggunaannya tidak dianjurkan tanpa sebab yang kuat kerana ia bukan keperluan utama atau darurat. Islam mengajarkan keseimbangan dalam kehidupan. Secara agama, haid adalah fitrah wanita yang tidak perlu ditunda kecuali ada masalah yang jelas.

Setelah mengetahui perbezaan ketiga-tiga pemeliharaan keperluan antara *darūriyyāt*, *hājiyyah*, dan *tahsiniyyāt* dalam rangka mencapai kemaslahatan, maka dapat dijangka secara berkadar bahawa pemeliharaan keperluan asas lebih diutamakan kerana tanpa ketiga-tiga elemen tersebut, maka hajat kehidupan umat Islam tidak dapat dipenuhi.

Dengan demikian, apabila terjadi pertentangan antara persoalan yang bersifat asas dalam persoalan kepentingan umum, maka persoalan tersebut perlu diutamakan seperti halnya permasalahan penundaan haid untuk kepentingan ibadah. Selain al-Quran dan Hadith, terdapat suatu alat apabila kedua sumber tersebut tidak mampu menjawab suatu isu dalam kehidupan, iaitu penggunaan ar-Ra’yu sebagai landasannya.

---

<sup>63</sup> ‘Abd Al-Wahāb Khalaf, *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh*, 290.

Dalam al-Quran mahupun Hadith, permasalahan penundaan menstruasi untuk kepentingan ibadah tidak dijelaskan, pada umumnya hanya membahas haid secara umum, sebab ini berkaitan keilmuan yang semakin berkembang.<sup>64</sup> Penundaan haid adalah bertujuan untuk memberikan kemudahan bagi para wanita yang mempunyai hajat untuk beribadah. Selain kesan baik hasil daripada ubat tersebut, tidak dapat disembunyikan kesan-kesan yang kurang baik dari ubat tersebut atau dapat membahayakan bagi para pengguna. Dengan mempertimbangkan manfaat dan *mudarat* yang dihasilkan dapat dijadikan dasar untuk menentukan hukum segala sesuatu. Apabila *maṣlahah* bersifat dominan, maka hukum pelaksanaannya adalah mubah. Jika *mudarat* lebih mendominasi atau berimbang, maka penolakan *mafsadah* adalah lebih utama. Hal ini selari dengan kaedah:

درءالمفاسد مقدم على جلب المصالح

Terjemahan: “*Mengelak berlakunya kerosakan hendaklah didahului dari menarik masalah.*”<sup>65</sup>

Segala sesuatu yang telah jelas membawa *mafsadah* sebaiknya untuk tidak dikerjakan dapat membawa pada penyesalan, kerana segala yang diatur oleh Allah mempunyai hikmah dan maksud tersendiri. Al-Arat yang bersifat *qat'ī* dan *kulli*, dalam maksud bukan semata hajat darurat bukan pula hanya dugaan keras atau prasangka dan tidak juga hanya khusus untuk satu golongan manusia. Dikemukakan contoh itu dengan keadaan orang-orang Islam yang tertawan kemudian dijadikan sebagai perlindungan dalam perang dengan musuh, mereka itu boleh dibunuh demi

---

<sup>64</sup> Muhammad Muhlisin, “Bagaimana Hukum Seorang Muslimah yang Mengonsumsi Obat Penunda Haid?,” diakses 04 Ogos 2021, <https://www.pwnubali.or.id/2021/08/bagaimana-hukum-seorang-muslimah-yang-mengonsumsi-obat-penunda-haid/>.

<sup>65</sup> Masfuk Zuhdi, *Masail fiqhiyah* (Jakarta: Gunung Agung, 1996), 29.

kemaslahatan umum, iaitu melindungi kelompok Muslim dan negara-negara Islam. Hal itu bertentangan dengan larangan membunuh orang Islam yang tidak bersalah dan tidak berdosa.

Seperti yang diketahui, perbezaan pendapat antara men gharuskan dan mengharamkan, maka fatwa Bahthul Masail lebih bersepakat ulama yang membolehkan. Hal ini kerana tidak terdapat dalil larangan bagi orang yang menggunakan ubat penunda haid agar dapat memenuhi syarat puasa.<sup>66</sup> Kecuali jika penggunaan ubat tersebut dapat membahayakan kesihatan, maka penggunaannya adalah jelas dilarang berdasarkan hadith Rasulullah SAW, لا ضرر و لا ضرار. Dalam keadaan mudarat seperti ini, menggunakan ubat penunda haid itu menjadi haram. Oleh kerana itu, penggunaan ubat penunda haid dalam kalangan perempuan disarankan untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar perubatan, kecuali apabila penggunaan ubat itu telah menjadi kebiasaannya ketika Ramadan tiba dan tidak membahayakan kesihatannya.<sup>67</sup> Apabila penggunaan ubat pencegah haid boleh membahayakan diri, maka hukum tersebut adalah haram. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT di dalam Al Quran:

وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

Terjemahan: “*dan janganlah kamu membunuh dirimu sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu*”. (al-Nisa 4:29)

---

<sup>66</sup> Muhammad Muhlisan, “Bagaimana Hukum Seorang Muslimah yang Mengonsumsi Obat Penunda Haid?,” dikemaskini 04 Ogos 2021, diakses 11 April 2024, <https://www.pwnubali.or.id/2021/08/bagaimana-hukum-seorang-muslimah-yang-mengonsumsi-obat-penunda-haid/>.

<sup>67</sup> Muḥammad Ibrāhīm al-Ḥafnawī, *Fatawa Shar’iyyah Mua’sirah*, 280.

Melihat penjelasan tersebut, Bahthul Masail NU menyatakan hukum penggunaan ubat penunda haid ketika puasa Ramadan adalah dibenarkan, dengan syarat tidak membahayakan kesihatan pengguna. Selain itu, Ibrāhīm al-Ḥafnawī menyarankan agar mereka yang ini minum ubat penunda haid boleh mendapatkan nasihat dengan doktor untuk meneliti keadaan kesihatan orang tersebut.<sup>68</sup>

Nahdlatul Ulama (NU) dalam fatwanya membenarkan penggunaan ubat penangguhan haid bagi perempuan yang ingin berpuasa penuh pada bulan Ramadan, dengan syarat tidak memudaratkan kesihatan mereka. Dari sudut *maqāṣid al-sharī'ah* (matlamat syariah), hukum ini selari dengan prinsip *ḥifẓ al-din* (menjaga agama), kerana ia membantu perempuan menjalankan ibadah puasa tanpa gangguan haid. Namun dalam *maqāṣid lain* iaitu *ḥifẓ al-nafs* (menjaga jiwa dan kesihatan), sekiranya ubat ini mendatangkan risiko kesihatan yang ketara, maka hukumnya boleh berubah kepada makruh malah haram. Oleh itu, NU menegaskan bahawa keputusan untuk menggunakan ubat ini mestilah berdasarkan mempertimbangan kebaikan dan kemudahan, dan diperoleh melalui perundingan dengan pakar perubatan.

Dari sudut kesihatan, doktor menyatakan bahawa penggunaan ubat penangguhan haid boleh mendatangkan kesan sampingan seperti gangguan hormon, kitaran haid yang tidak teratur, dan masalah kesihatan yang lebih serius bagi sesetengah wanita. Prinsip *maqāṣid al-sharī'ah* dalam *ḥifẓ al-nafs* mengajarkan bahawa menjaga kesihatan diutamakan daripada memaksa ibadah yang boleh memudaratkan tubuh badan. Oleh itu, dalam konteks fatwa NU, penggunaan ubat penangguhan haid bukanlah satu keperluan, sebaliknya satu pilihan yang hanya perlu dilakukan

---

<sup>68</sup> Alhafiz Kurniawan, "Hukum Konsumsi Pil Tunda Menstruasi agar Bisa Berpuasa," 30 June 2016, diakses 23 Mei 2024, <https://Islam.nu.or.id/bahtsul-masail/hukum-konsumsi-pil-tunda-menstruasi-agar-bisa-berpuasa-r35zV>.

sekiranya ia tidak berbahaya dari sudut perubatan. Sekiranya perempuan mengalami kesan sampingan atau berisiko tinggi, maka lebih baik mengikut ketentuan syarak dengan menerima haid sebagai fitrah dan menggantikan puasanya di luar Ramadan.

## PENUTUP

Fatwa Bahsul Masail Nahdlatul Ulama (NU) tentang hukum penundaan haid selama bulan puasa Ramadan berdasarkan pendekatan *maqāṣid al-sharī'ah* (tujuan-tujuan syariat) menekankan beberapa poin penting:

1. Pemahaman *Maqāṣid al-Sharī'ah*: *Maqāṣid al-Sharī'ah* adalah konsep dalam hukum Islam yang bertujuan untuk mencapai kemaslahatan (kebaikan) dan mencegah kerosakan. Prinsip ini mencakup perlindungan terhadap lima perkara utama: agama, jiwa, akal, keturunan, dan harta benda.
2. Konteks Penundaan Haid: Penundaan haid menggunakan ubat-ubatan bertujuan agar perempuan dapat menjalankan ibadah puasa Ramadan secara penuh tanpa terganggu oleh tempoh menstruasi.
3. Hukum Dasar Penundaan Haid: Menunda haid dalam perspektif hukum Islam pada dasarnya dibolehkan selama tidak membahayakan kesihatan. Ini didasarkan pada prinsip bahawa menjaga agama (*hifẓ al-dīn*) adalah salah satu tujuan utama syariat.
4. Pertimbangan Kesihatan: Jika penundaan haid dengan menggunakan ubat-ubatan perubatan tidak menimbulkan bahaya atau kesan sampingan yang signifikan bagi kesihatan perempuan, maka hal tersebut dianggap harus (*mubāḥ*). Namun, jika ada risiko kesihatan yang bermakna, maka lebih baik dielakkan sesuai dengan prinsip menjaga jiwa dan kesihatan.

5. Keutamaan dan Kehati-hatian: Meskipun dibolehkan, tetap dianjurkan untuk berhati-hati dan mempertimbangkan nasihat perubatan. Hal ini kerana kesihatan adalah prioriti utama, dan menghindari bahaya lebih diutamakan dalam *maqāṣid al-sharī'ah*.
6. Ketaatan pada Syarat dan Ketentuan: Penggunaan ubat penunda haid harus mengikuti petunjuk perubatan dan sesuai dengan dosa yang dianjurkan untuk menghindari kesan negatif jangka panjang.

Secara keseluruhan, fatwa Bahthul Masail NU mengharuskan penggunaan ubatan penundaan haid selama bulan puasa Ramadan iaitu dengan mengutamakan kemaslahatan selama tidak menimbulkan bahaya kesihatan. Bahthul Masail NU menggunakan pendekatan *maqāṣid al-sharī'ah* untuk mengimbangi pelaksanaan ibadah dan menjaga kesihatan tubuh badan.

## RUJUKAN

- “Fatāwā al-Mar’ah al-Lajnah al-Dā’imah,” diakses 09 Mac 2024, <http://www.alifta.net/Fatawa/fatawaDetails.aspx?BookID=2&View=Page&PageNo=1&PageID=96>.
- “Irsyad Al-Fatwa Khas Ramadan Siri Ke-155: Kadar Fidyah Meninggalkan Puasa Dengan Sengaja,” diakses 02 Mac 2024, <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/edisi-ramadan/3831-irsyad-al-fatwa-khas-ramadan-siri-ke-155-kadar-fidyah-meninggalkan-puasa-dengan-sengaja>.
- “Memahami Pembekuan Darah Semasa Haid,” diakses 11 Februari 2025. <https://gleneagles.com.my/ms/health-digest/blood-clots-menstruation>.
- “Presidensi Umum Penyelidikan Islam dan Kefatwaan,” diakses 09 Mac 2024, [https://ms.wikipedia.org/wiki/Presidensi\\_Umum\\_Penyelidikan\\_Islam\\_dan\\_Kefatwaan](https://ms.wikipedia.org/wiki/Presidensi_Umum_Penyelidikan_Islam_dan_Kefatwaan).
- A. Khoirul Anam, “Bolehkan Suntik Penunda Haid untuk Puasa Ramadhan?,” diakses 12 Februari 2025,



<https://nu.or.id/bahtsul-masail/bolehkan-suntik-penunda-haid-untuk-puasa-ramadhan-V1BQ5>.

Abdul Wafi, “Reformasi Bermadzhab dalam NU (Studi Pergeseran Metode Bahstul Masail dari Qauli ke Manhaji)”. Kajian Tesis Doktor Falsafah, Konsentrasi Hukum Islam Sekolah Pascasarjana, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2021.

Ahmad, *Tradisi Intelektual NU: Lajnah Bahtsul Masail 1926-1999.*, Yogyakarta: LKiS 2004.

al-Baghādāī, ‘Alī Ibn ‘Umar Abū al-Ḥasan al-Dāraqūṭnī. *Sunan Al-Dāraqūṭnī*. Beirut: Dā’ir al-Ma’rifah, 1966.

al-Bahūtī, Sheiykh Maṣṣūr Ibn Yūnus. *Kashshāf Al-Qinā*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 2000.

Alhafiz Kurniawan, “Hukum Konsumsi Pil Tunda Menstruasi agar Bisa Berpuasa,” 30 June 2016, diakses 23 Mei 2024, <https://Islam.nu.or.id/bahtsul-masail/hukum-konsumsi-pil-tunda-menstruasi-agar-bisa-berpuasa-r35zV>.

al-Ḥafnawī, Muḥammad Ibrāhīm. *Fatāwā Shar‘iyyah Mu‘āṣirah*. Kaherah: Dār al-Hadith, t.t.

al-Ḥajāj, Abū Al-Ḥusain Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā’ Turāth Al-‘Arabī, t.t.

al-Jazarī, Abd Al-Raḥmān. *Al-Fiqh ‘alā Al-Madhāhib Al-Arba‘ah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 2003.

al-Khatn, Abu Abdullah., *Sharḥ al-Talkhīṣ*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 2000.

al-Mālikī, Muḥammad ‘Alī. *Qurrah al-‘Ain fī Fatāwā al-Ḥaramain*. Beirut: Dār al-Fikr, 2004.

- al-Ramlī, Shams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad ibn Ḥamzah al-Shāfi'ī., *Nihāyah al-Muḥtāj*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 1997.
- al-Sha'rawī, Muḥammad Muṭawallī, *Fatawa al-Nisa'*. t.t.: Jami' l-Kutub al-Islamiyyah, t.t..
- al-Shāṭibī, Abū Ishāq, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 2003.
- al-Zuhaili, Wahbah, *al-Mu'tamad Fī al-fiqh al-Shāfi'ī*. Damsyik: Dār al-Qalam, 2011.
- Aspandi, "Pemakaian obat Siklus Haid Bagi Jamaah Haji Indonesia telaah kaidah al-Masyaqqatu Tajlibu al-Taysir," *Jurnal Shari'ah dan Hukum Islam, Al-Adalah* 1 (2016).
- Devi Azwinda, "Penggunaan Obat Penunda Haid Untuk Berpuasa Ramadan (Perspektif Ulama Nu Dan Ulama Salafi)," *Jurnal Al-Mazahib* 7 (2019).
- Dinda Rufaeda Samsuardi Amir, "*Pandangan Islam Terhadap Obat Penunda Haid Untuk Kepentingan Ibadah*,". Kertas Kerja, (Program Studi Perbandingan Mazhab, Fakultas Syari'ah, Universitas Darussalam GONTOR (UNIDA) Kampus Putri.
- H. Soeleiman Fadeli dan Mohammad Subhan, *Antologi NU, Sejarah- Istilah-Amaliah-Uswah*. Surabaya: Khalista 2012.
- Hasbi as-Siddiqy, *Filsafat Hukum Islam*. Jakarta: Bulan Bintang, 1993.
- Ibn Muḥammad, 'Abd al-Raḥmān, Bā'alawī, *Ghāyah Talkhīṣ al-Murād Min Fatāwā Ibn Ziyād*. (Beirut: Dār al-Fikr t.t).
- Khalaf, 'Abd Al-Wahāb. *Ilm Uṣūl al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-Qalam, 1981.

- Khalisha Luthfia Maulida et al., “Pengaruh Puasa Menurut Perspektif Islam Dan Sains Dalam Menurunkan Berat Badan Pada Pasien Obesitas Dan Diebetes,” *Journal of Creative Student Research (JCSR)* 1 (2023).
- Khusnul Rofiana, “Hukum Obat Pencegah Haid,” diakses pada 17 Mei 2024, <https://muslimah.or.id/10442-hukum-obat-pencegah-haid.html>.
- Masfuk Zuhdi, *Masail fiqhiyah*. Jakarta: Gunung Agung, 1996.
- Masyhudan Dardiri, “Implementasi Metode Ijtihad Ulama’ Dalam Bahtsul Masa’il Nahdlatul Ulama,” *Rizquna : Jurnal Hukum dan Ekonomi Syariah* 2 (2023).
- Mohd Gunawan Che Ab Aziz, “Ramadan peluang terbaik cari takwa,” diakses 02 Februari 2024, <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/05/564871/Ramadan-peluang-terbaik-cari-takwa>.
- Muhammad Adib, *Kritik Nalar Fikih NU.*, Malang: KiriSufi, 2021.
- Muhammad Asep, “Maqāṣid al-Sharī’ah Critique of Nahdlatul Ulama’s Fiqh of Disability,” *Journal of Islamic Legal Studies* 1 (2020).
- Muḥammad bin Ṣāliḥ al-‘Uthaimīn, *Majmu’ Fatawa, Solusi Problematika Ummat Islam Seputar Akidah dan Ibadah, Penerjemah Furqan Syuhada*. Solo: Pustaka Arafah, 2002.
- Muḥammad Ibn Ṣāliḥ Al-‘Uthaimīn, *257 Tanya Jawab, Fatwa-Fatwa al-Uthaimin*, ter. Masdar Helmy, Bandung: Gema Risalah Press.
- Muhammad Muhlusun, “Bagaimana Hukum Seorang Muslimah yang Mengonsumsi Obat Penunda Haid?,” diakses 04 Ogos 2021, <https://www.pwnubali.or.id/2021/08/bagaimana->

hukum-seorang-muslimah-yang-mengkonsumsi-obat-  
penunda-haid/.

Mujibuddin, *Hukum Mengkonsumsi Obat Penunda Haid Dalam Pelaksanaan Ibadah Haji*. Jawa Tengah: Media Guru Indonesia, 2019.

Mustafa, “Penundaan Masa Menstruasi dalam Ibadah Puasa Ramadan,” *Al-Nadhair: Jurnal Kajian Fikih dan Ushul Fikih* 1 (2022).

Nahdatul Ulama, *Ahkamul Fuqaha: Solusi Problematika Aktual Hukum Islam, Keputusan Mukhtar, Munas dan Konbes Nahdatul Ulama (1926-2004 M)*. Surabaya: Lajnah Ta’lif Wan Nasyr (LTN) NU Jawa Timur, 2004.

Nanang W Astarto, Tono Djuantono dan Dian Djahyadi, *Menunda Haid dalam Mengatasi Masalah Ketika Beribadah Haji dan Umrah*, dalam *Step by Step Penanganan Kelainan Endokrinologi Reproduksi dan Fertilitas Dalam Praktik Sehari-hari*. Jakarta: Sagung Seto, 2012.

Nur Asmadayana Hasim et al., “Haid daripada Perspektif Sains dan Maqasid Shari’ah (Menses from the Perspective of Science and Maqasid Shari’ah),” *Jurnal Sains Malaysiana* 45 (2016).

Sayid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Fikr, 1987.

Sulastri Caniago, “Azimah Dan Rukhsah Suatu Kajian Dalam Hukum Islam,” *Jurnal Juris* 13 (2014).

Surya Rahmadana et al., “Penundaan Masa Menstruasi Dalam Ibadah Puasa Ramadhan Menurut Fatwa MUI No. 2 Tahun 1979,” *TARUNALAW: Journal of Law and Syariah* 1 (2023).

Yulian Purnama, *Ringkasan Fikih Puasa*. Yogyakarta: t.p. 1440H.

Yusuf al-Qaradawi, *Fatwa-Fatwa Kontemporer*. Jakarta: Gema Insani Press, 1996.

Zufriani et al., “Tinjauan Hukum Islam Tentang Campur Tangan Manusia Dalam Uzur Syara’ (Studi Rukhshah Pada Perempuan),” *Mahkamah: Jurnal Kajian Hukum Islam*. 6 (2021).